

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	27 OCTOBER 2016

Contohi industri digital China - Najib

Um - 27/10/2016

Oleh MOHD. ASRON MUSTAPHA
mohdasron.mustapha@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 26 OKT.

EKONOMI digital bakal memainkan peranan yang cukup penting dalam memacu pertumbuhan dunia dan Malaysia seiring dengan cita-cita untuk muncul sebagai negara maju menyebabkan negara tidak boleh ketinggalan, sebaliknya perlu mengeksploitasi sepenuhnya potensi tersebut.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sehubungan itu menggesa pemain industri digital tempatan agar bekerjasama dengan komuniti digital global, khususnya dari China yang dilihat cukup pantas berkembang sehingga berjaya menguasai pasaran antarabangsa.

Katanya, peluang itu harus segera direbut kerana kerajaan sendiri menjadikan 2017 sebagai Tahun Ekonomi Internet Malaysia, selain mengumumkan Zon Perdagangan Bebas Digital yang menggabungkan lokasi, insentif serta modal kepada sektor berkenaan.

Jelas beliau, China misalnya, kini memiliki konglomerat global dalam dunia ekonomi digital



NAJIB TUN RAZAK dan Ketua Pegawai Eksekutif Huawei Technologies, Abraham Liu Kang (kiri) melihat teknologi terbaharu Huawei ketika majlis perasmian Pusat Huawei CSIC di Menara Integra, Kuala Lumpur semalam. - UTUSAN/ ROY AZIS ABD AZIZ

dengan lahirnya syarikat seperti Alibaba, Tencent dan Baidu yang bukan sahaja menyumbang kepada kemajuan negara itu malah diiktiraf sebagai ikon antarabangsa.

“Ternyata ekonomi digital sangat penting dalam memacu agenda pertumbuhan ekonomi global secara menyeluruh khususnya dalam tempoh 10 tahun

akan datang dan sumbangannya kepada pertumbuhan sesebuah negara juga menjadi begitu ketara termasuk Malaysia,” katanya ketika menyampaikan ucapan dalam Forum Ekonomi Digital Malaysia-China di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Datuk

Seri Ong Ka Chuan dan Pengerusi Majlis Perniagaan Malaysia-China (MCBC), Tan Sri Ong Ka Ting.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, sehingga kini ekonomi digital menyumbang sebanyak 17.8 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia dan dengan perancangan teliti peratusan tersebut dijangka meningkat.